

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA

PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA

**MAJLIS SANJUNGAN BUDI
SEMPENA PERSARAAN**

YANG BERBAHAGIA

PROF. DR MOHAMAD HARIRI ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR

JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI (ICAN)

27 SEPTEMBER 2023 | RABU | 3.00 PETANG

**TINGKAT 7, CANSELERI TUANKU SYED
SIRAJUDDIN**

UiTM SHAH ALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berbahagia,

Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti,

Barisan Pengurusan Kanan,

Datuk–Datuk, Datin–Datin, Profesor-Profesor,

Tuan–Tuan dan Puan–Puan, serta hadirin yang saya hormati sekalian.

[Salutasi -kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW di atas limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul di dalam **Majlis Sanjungan Budi** sempena persaraan **Yang Berbahagia Prof. Dr Mohamad Hariri Abdullah**.
2. Bagi pihak seluruh warga UiTM, saya merakamkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Hariri, bukan sahaja atas segala sumbangan dan jasa bakti beliau semasa berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), malah untuk selama 32 tahun beliau berkhidmat di UiTM.
3. Sepanjang saya mengenali Prof. Dr. Hariri, beliau merupakan seorang yang kreatif, mesra, bersahaja, penyabar dan banyak membantu meningkatkan reputasi universiti.
4. Saya amat berterima kasih atas persahabatan yang terjalin sejak beliau dilantik sebagai TNC ICAN pada 22

November 2021 sehinggalah hari ini 27 September 2023.

5. Saya begitu menghargai sifat kejujuran beliau dalam memberi pendapat dan cadangan semasa perbincangan serta mesyuarat yang dilaksanakan bersama MEU dan barisan pengurusan universiti.

6. Prof. Dr. Hariri merupakan individu penting yang telah membawa banyak kejayaan dan pembaharuan kepada universiti menerusi inisiatif ICAN. Saya amat menghargai inisiatif yang dibawa melalui kepakaran beliau dalam bidang reka bentuk dapat dilihat dalam penjenamaan ICAN khususnya.

7. Antara lain, beliau juga telah membantu UiTM mendapatkan pengiktirafan dari *Malaysian Book of Records* untuk penganugerahan skrol terbanyak dalam istiadat konvokesyen dan bilangan skrol tertinggi, serta memenangi Malaysia Good Design Award untuk reka bentuk Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA).

8. Ini adalah contoh sumbangan yang saya alu-alukan agar kepakaran sedia ada warga UiTM ditampikan bagi melonjak visibiliti universiti.
9. Selain sumbangan beliau kepada UiTM, Prof. Dr. Hariri juga telah memimpin dan berkongsi kepakaran beliau di dalam dan luar negara. Antaranya, Pejabat Tanah Perlis; Kraftangan Malaysia, Majlis Rekabentuk Malaysia, dan pelbagai agensi automotif di U.K.
10. Saya juga mengambil kesempatan ini, mengucapkan terima kasih kepada seluruh keluarga ICAN yang telah menjayakan Majlis Sanjungan Budi “Cherita TNC ICAN”. Percayalah, walau pemimpin silih berganti, saya mendoakan agar ICAN terus dipimpin oleh ketua yang sentiasa membawa kebaikan kepada universiti, masyarakat dan negara.
11. Bagi pihak UiTM, saya sekali lagi ingin mengucapkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Hariri atas kepemimpinan dan dukungannya selama ini.

12. Akhir kata, saya mendoakan agar Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah akan terus diberi kesehatan yang baik, dipermudahkan urusan dan mendapat rahmat dari Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh